Permintaan Perkhidmatan Pajak Gadai: Perspektif Pengguna

Nur Azura Sanusi
Universiti Malaysia Terengganu
Mohamad Shukri Johari
UiTM Terengganu

Abstract

Pawn broking service is one of the instruments for getting easy cash, especially to consumers who are not from the formal finance service system. The emergence of the conventional and Islamic pawn broking services has given clients the choice to choose the best service provider in order to get fast and easy excess to cash compared to getting loans from commercial banks or finance companies. At the same time, the implementation of the Islamic pawn broking service has provided opportunity to Muslim consumers to choose transactions that do not involve riba'. Nevertheless questions arise such as what are the factors that influence consumer's demand to pursue a different pawn broking service? How many percentage of Muslims who emphasize on 'halal' trading without riba'? To answer these questions, 380 respondents were interviewed in order to identify their demand preferences towards their choice to the type of pawn broking services by Malaysian customers.

Pendahuluan

Perniagaan pajak gadai sudah bermula sejak abad yang ke 15 lagi dan telah diperkenalkan oleh pedagang-pedagang Cina pada zaman Kesultanan Melaka. Perniagaan ini terus berkembang apabila wujudnya kegiatan bijih timah di Larut pada abad ke 19. Pada peringkat permulaan perkembangan, perniagaan ini tidak tertakluk kepada undang-undang tertentu. Walau bagaimanapun di zaman pemerintahan Inggeris, sistem pajak gadai berlesen mula diperkenalkan dengan pewartaan Ordinan Pajak Gadai 1871.[1]

Pada mulanya, ordinan tersebut hanya diaplikasikan di Negeri-negeri Selat, diikuti Negeri-negeri Bersekutu dan akhirnya Negeri-negeri Tidak Bersekutu. Pada tempoh tersebut telah wujud enakmen pajak gadai di negeri-negeri tertentu, seperti Enakmen Pajak Gadai 1917 yang merupakan undang-undang pajak gadai pertama di Johor. Usaha untuk menghasilkan satu akta yang seragam telah berjaya dilakukan dengan penguatkuasaan Akta Pajak Gadai 1972 pada Jun 1973.

Perlaksanaan syariah di sistem perbankan pada 1983 telah mendorong pelaksanaannya di institusi kewangan lain seperti insurans, unit amanah dan pajak gadai Islam (ar-rahnu). Tujuan utamanya ialah menghapuskan hasil bunga (faedah) yang dikenakan oleh pemilik pajak gadai sebagai ganjaran daripada wang tunai yang dipinjamkan.[2] Kesannya wujud dua sistem pajak gadai di Malaysia, iaitu sistem pajak gadai konvensional dan sistem pajak gadai Islam.

Dalam usaha untuk menghapuskan riba dan gharar dalam sistem pajak gadai konvensional, maka sistem pajak gadai Islam diperkenalkan. Pajak gadai Islam pertama di Malaysia iaitu Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT) telah ditubuhkan oleh Majlis Agama dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) pada 23 Januari 1992. Penubuhan pajak gadai ini telah menarik minat anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) iaitu Permodalan Kelantan Berhad (PKB) mewujudkan 'kedai ar-rahn' di Kelantan yang mula beroperasi pada Mac 1992. Pada tahun 1993, Bank Rakyat dengan kerjasama Bank Negara Malaysia dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) pula telah memperkenalkan Skim Ar-rahn kepada masyarakat dan ianya telah mendapat sambutan yang baik daripada pelbagai golongan.

Seterusnya YPEIM telah meneruskan fasa kedua program ar-rahn melalui kerjasama dengan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Bank Pertanian. Kaedah perlaksanaan ar-rahn di BIMB dan Bank Pertanian adalah sama seperti yang dilaksanakan di Bank Rakyat. Institusi seterusnya yang terlibat adalah koperasi-koperasi dan kerajaan negeri. Sebagai contoh pada Januari 1997, kerajaan Perlis pula telah menubuhkan Pajak Gadai Islam (PGI). Selain koperasi Bank Rakyat, beberapa koperasi lain seperti Koperasi Pengguna Pahang Berhad, Koperasi Gabungan Pekebun Kecil Perak Berhad dan Koperasi Badan Berkanun Berhad (KOKANUN) di Terengganu juga melaksanakan skim ar-rahn.

Kewujudan dwi-sistem ini memberi peluang kepada pengguna untuk memilih perkhidmatan pajak gadai terbaik berdasarkan kepada ciri-ciri perkhidmatan yang ditawarkan. Fenomena ini memberi kelebihan kepada pengguna Muslim untuk keluar daripada dibelenggu transaksi yang melibatkan riba'. Namun timbul persoalan apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan permintaan pengguna untuk mendapatkan perkhidmatan pajak gadai konvensional atau ar-rahn? Adakah pengguna Muslim menitikberatkan transaksi yang halal dalam mendapatkan perkhidmatan pajak gadai? Berdasarkan kepada persoalan-persoalan tersebut, tujuan kertas kerja ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor penentu yang mempengaruhi kecenderungan permintaan pengguna terhadap perkhidmatan pajak gadai berbeza. Kertas kerja ini juga menganalisis sejauh mana pengguna Muslim memilih perkhidmatan ar-rahn. Masalah yang dihadapi oleh pengguna semasa mendapatkan perkhidmatan pajak gadai juga akan dianalisis.

Umumnya kertas kerja ini dibahagikan kepada lima bahagian. Bahagian seterusnya akan membincangkan secara ringkas perkembangan institusi pajak gadai di Malaysia terutamanya dari aspek pertambahan bilangan institusi pajak gadai. Bahagian ketiga akan membincangkan sumber data, responden kajian, teknik pensampelan, kerangka konsepsi dan pembentukan soalan soal selidik, diikuti dengan keputusan analisis data dalam bahagian empat. Bahagian terakhir merupakan kesimpulan dan implikasi dasar.

Perkembangan Institusi Pajak Gadai Di Malaysia

Sebagaimana yang diketahui umum, urus niaga pajak gadai telah bermula sejak abad ke 15 lagi iaitu ketika kedatangan pedagang-pedagang cina ke negara ini. Ianya telah menyediakan

[1] Undang-undang yang diperkenalkan pada mulanya berbeza bagi setiap negeri disebabkan negeri-negeri di Malaysia pada masa tersebut wujud sebagai negeri yang berasingan.

[2] Tujuan lain ialah penekanan aspek keadilan dan menghindarkan sifat gharar seperti nilaian yang rendah bagi harga gadaian, melelong hak pelanggan tanpa memberitahu pemilik dan lebihan wang dari gadaian tidak dipulangkan.

perkhidmatan mudah tunai yang cepat kepada pelanggan yang memerlukannya tanpa perlu mengikut prosedur yang memerlukan tempoh pemprosesan yang lama.

Secara ringkasnya, bilangan lesen pajak gadai konvensional yang diluluskan antara tahun 1985 hingga 2006 mengalami pertambahan sebanyak 40 lesen. Pada tahun 1985, bilangan lesen pajak gadai konvensional adalah berjumlah 194 lesen manakala pada tahun 2006 pula jumlahnya adalah 234 lesen. Antara negeri yang mempunyai banyak kedai pajak gadai konvensional ini ialah negeri Perak, Selangor, Johor, Kedah dan Pulau Pinang. Negeri-negeri yang populasi penduduk kaum bukan Melayu yang tinggi berkecenderungan mempunyai bilangan pajak gadai konvensional yang agak banyak berbanding dengan negeri-negeri yang populasi penduduk kaum Melayu yang tinggi.

Perkembangan pajak gadai Islam Ar-rahn sejak tahun 1992 iaitu dengan tertubuhnya pajak gadai Islam pertama di Malaysia, Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT), telah memberi alternatif kepada masyarakat membuat pilihan bagi mendapatkan mudah tunai yang cepat serta mengikut kaedah yang dihalalkan oleh hukum syarak. Urus niaga MGIT telah meningkat pada kadar yang tinggi sejak tahun penubuhannya iaitu daripada 12,732 orang penggadai pada tahun 1992 kepada 26,632 penggadai pada tahun 2005. Nilai gadaiannya pula berjumlah RM9.85 juta pada tahun 1992 kepada RM28.9 juta pada tahun 2005.

Keadaan ini memberi persaingan yang sengit kepada pajak gadai konvensional kerana pelanggan telah mula merasakan pajak gadai Islam lebih menguntungkan mereka berbanding pajak gadai konvensional. Berdasarkan analisis urus niaga MGIT, peningkatan nilai gadaian melebihi 150 peratus dalam tempoh 13 tahun beroperasi. Perkembangan pasaran juga menunjukkan tren yang sama iaitu berlaku peningkatan kepada capaian perkhidmatan pajak gadai Islam. Namun sukar dianggarkan nilai sebenar peningkatan urus niaga ar-rahn memandangkan tiada pihak berautoriti yang mengumpulkan data berkaitan urus niaga bagi setiap kedai seluruh Malaysia secara formal sebagaimana keperluan menghantar penyata kewangan syarikat serta bank kepada Suruhanjaya Sekuriti dan Bank Negara Malaysia.

Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) terus memainkan peranan yang penting dalam perkembangan pajak gadai Islam Ar-rahn. YPEIM telah bekerjasama dengan Bank Rakyat dan Bank Islam Malaysia Berhad bagi mewujudkan kaunter Ar-rahn di setiap cawangan bank masing-masing. Sehingga tahun 2003, bilangan cawangan/kaunter Ar-rahn di Bank Rakyat adalah sebanyak 106 buah manakala bilangan cawangan/kaunter di Bank Islam Malaysia Berhad adalah berjumlah 26 buah. Pihak YPEIM sendiri telah membuka kaunter Ar-rahn sendiri melalui Koperasi YPEIM iaitu berjumlah 16 buah.

Bilangan transaksi yang dilakukan di Bank Rakyat, Bank Islam Malaysia Berhad dan Koperasi YPEIM turut menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Sejak perlaksanaan sistem pajak gadai Islam oleh YPEIM di institusi-institusi berkenaan, bilangan transaksi secara keseluruhannya pada tahun 1999 adalah 204 ribu transaksi yang melibatkan pembiayaan berjumlah RM191.58 juta. Manakala pada tahun 2003 ianya telah meningkat kepada 1.38 juta transaksi yang melibatkan jumlah pembiayaan sebanyak RM1.31 juta. Perkembangan ini menunjukkan berlaku peningkatan pembiayaan lebih enam kali ganda pada tahun 2003 berbanding tahun 1999. Keadaan ini telah menunjukkan bahawa perkembangan urus niaga pajak gadai berteraskan konsep Islam telah berkembang dengan pesat dan seterusnya memberi saingan yang agak tinggi kepada sistem pajak gadai konvensional di Malaysia.

Methodologi

Sumber Data

Responden kajian merupakan pengguna pajak gadai di seluruh Semenanjung Malaysia ditemu bual menggunakan teknik pensampelan tak berkebarangkalian iaitu pensampelan '*convenience*'. Teknik temu bual berstruktur dilakukan oleh penemubual selepas pelanggan selesai mendapatkan perkhidmatan pajak gadai di kedai-kedai terpilih. Responden kajian merupakan pelanggan bagi 136 kedai pajak gadai konvensional, 13 buah koperasi, 58 cawangan Bank Rakyat, 2 buah pajak gadai Islam di bawah perlesenan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 17 cawangan koperasi YPEIM dan 13 cawangan ar-rahn Bank Pertanian di seluruh Malaysia. Oleh kerana Bank Negara Malaysia tidak mengumpulkan data berkaitan transaksi perkhidmatan pajak gadai, maka penentuan saiz sampel mengambil kira penentuan saiz sampel seperti yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Bilangan saiz sampel maksimum yang dicadangkan adalah 384 sampel bagi bilangan populasi melebihi 1 juta hingga infiniti. Sebanyak 478 responden telah ditemu bual, namun setelah proses saringan, bilangan responden yang digunakan bagi tujuan analisis kajian melibatkan seramai 380 responden. Soalan soal selidik yang tidak lengkap serta yang tidak dikembalikan dikecualikan daripada analisis kajian.

Pembentukan soal selidik merangkumi beberapa bahagian iaitu bahagian pertama berkaitan latar belakang sosioekonomi responden, bahagian kedua berkaitan latar belakang pasangan responden, bahagian ketiga latar belakang isi rumah responden, bahagian keempat maklumat sewaktu berurusan dan bahagian terakhir berkaitan pendapat pengguna tentang perkhidmatan pajak gadai yang diperoleh.

Ujian Pilot

Sebelum pra ujian dilaksanakan, soalan soal selidik yang telah dibentuk dihantar kepada beberapa orang pakar untuk dinilai. Dengan mengambil kira semua komen yang diberikan, soalan tersebut telah dibaiki dengan melakukan beberapa modifikasi. Bagi tujuan pra ujian, soalan soal selidik yang telah dibaiki diedarkan kepada 18 orang responden yang mendapatkan perkhidmatan pajak gadai konvensional dan Islam di negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Hasil pra ujian, beberapa soalan yang mengelirukan responden telah dibaiki untuk digunakan dalam kajian lapangan. Oleh itu, soalan yang diedarkan telah mengambil kira komen para pakar dan tindak balas responden semasa pra-ujian.

Model Penganggaran

Bagi tujuan analisis penganggaran, dua model penganggaran telah dibentuk iaitu model pertama bagi menguji permintaan perkhidmatan pajak gadai oleh pengguna secara keseluruhan dan model kedua bagi menguji permintaan perkhidmatan pajak gadai berdasarkan jenis pajak gadai iaitu pajak gadai Islam dan konvensional. Model pertama merupakan model penganggaran linear menggunakan kaedah kuasa dua terkecil (OLS) manakala model penganggaran kedua merupakan model penganggaran logit menggunakan kaedah '*maximum likelihood*'.

Umumnya model penganggaran linear keratan rentas pertama yang dianggarkan adalah:

$$B_i = \beta_0 + \beta_1 D_i + \beta_2 K_i + \beta_3 P_i + \beta_4 S_i + u_i$$

Manakala model penganggaran logit boleh ditulis sebagai:

$$\mathbf{h}\left[\frac{R_i}{1-R_i}\right] = \beta_0 + \beta_1 D_i + \beta_2 K_i + \beta_3 P_i + \beta_4 S_i + u_i$$

Dengan *HG* adalah permintaan perkhidmatan pajak gadai dalam RM, *ln* $(R_i / (1\text{-}R_i))$ adalah kebarangkalian individu mendapatkan perkhidmatan pajak gadai Islam. Persamaan di sebelah kiri bergantung kepada jenis pajak gadai iaitu R_i bernilai 1 jika pengguna menggunakan perkhidmatan pajak gadai Islam dan bernilai 0 jika pengguna mendapatkan perkhidmatan pajak gadai konvensional. *D* merupakan pemboleh ubah ciri-ciri demografi iaitu jantina, tahap pendidikan, sektor pekerjaan dan pendapatan bulanan responden, *K* merupakan jarak kedai dari rumah, *P* merupakan ciri-ciri perkhidmatan yang ditawarkan oleh kedai pajak gadai iaitu urus niaga yang cepat dan mudah, kerahsiaan lebih terjaga dan nilai cagaran yang mencukupi dan memuaskan, *S* merupakan pemboleh ubah patung bagi transaksi berasaskan syariah dan u_i merupakan terma ralat. Semua pemboleh ubah berbentuk kualitatif dijadikan pemboleh ubah dumi dengan nilai 1 merujuk kepada wanita, tahap pendidikan tamat sekolah menengah ke bawah, sektor pekerjaan melibatkan perniagaan sendiri, urus niaga yang berdasarkan syariah, cepat dan mudah, menjaga kerahsiaan dan nilai gadaian yang memuaskan. Dalam masa yang sama pemboleh ubah pendapatan dan hasil gadaian diubahsuai ke dalam bentuk log bagi tujuan penganggaran.

Oleh itu hipotesis nul dan alternatif yang dibina adalah :

$$H_0 : \beta_i = 0$$
$$H_a : \beta_i \neq 0$$

Dapatan Kajian

Bahagian ini melaporkan dapatan kajian yang merangkumi analisis deskriptif dan analisis penganggaran model linear dan model logistik. Analisis kebolehpercayaan tidak dilakukan memandangkan skala yang terlibat hanyalah berbentuk *dichotomous* dan skala berbentuk pilihan beberapa item tanpa melibatkan skala Likert.

Analisis Deskriptif

Jadual 1 di bawah melaporkan taburan kekerapan responden.

Bagi pemboleh ubah jantina, 65.26 peratus responden merupakan golongan wanita. Berdasarkan nilai tersebut, sebanyak 54.03 peratus mendapatkan perkhidmatan di pajak gadai Islam. Manakala bagi lelaki pula, daripada jumlah keseluruhan bilangan responden lelaki 53.03 peratus pelanggan lelaki menggunakan perkhidmatan pajak gadai Islam. Secara umumnya, peratusan responden yang menggunakan perkhidmatan pajak gadai Islam adalah 53.68 peratus.

Seterusnya bagi pemboleh ubah bangsa, purata bangsa dengan bilangan responden tertinggi adalah bangsa Melayu yang mewakili 78.95 peratus daripada keseluruhan bilangan sampel. Manakala peratus golongan bangsa tertinggi yang menggunakan perkhidmatan pajak gadai Islam adalah bangsa Melayu iaitu 91.18 peratus diikuti bangsa India dan Cina, masing-masing mewakili 4.90 peratus dan 3.92 peratus.

Taburan peratusan tahap pendidikan tertinggi responden adalah bagi tahap sehingga tamat sekolah menengah iaitu mewakili 50 peratus daripada keseluruhan responden. Diikuti dengan tahap tamat sekolah rendah dan tidak tamat sekolah menengah dengan peratusan masing-masing adalah 15.79 peratus dan 13.68 peratus.

Jadual 1

Taburan Kekerapan Responden

Pemboleh ubah	PGI	PGK	Jumlah
Jantina			
Lelaki	70	62	132
Perempuan	134	114	248
Bangsa			
Melayu	186	114	300
Cina	8	29	37
India	10	30	40
Lain-lain	0	3	3
Tahap Pendidikan			
Tidak Bersekolah	4	11	15
Tamat Sekolah Rendah	9	17	26
Tamat Sekolah Rendah	22	38	60
Tidak Tamat Sekolah Menengah	19	33	52
Sedang Sekolah Menengah	1	0	52
Tamat Sekolah Menengah	119	71	190
Sedang Menuntut di Maktab	1	0	1
Tamat Maktab	4	0	4
Sedang Menuntut di Universiti	4	3	7
Tamat Universiti	21	3	24
Tanggungan			
0	8	4	12
1-5	137	120	257
6-10	159	52	111
Pendapatan Responden			
<RM100	41	37	78
RM101-RM500	28	40	68
RM501-RM1000	61	62	123
RM1001-RM1500	33	16	49
RM1501-RM2000	15	13	28
RM2000	26	8	34
Pendapatan Isi Rumah			
<RM100	8	7	15
RM101-RM500	14	21	35
RM501-RM1000	53	59	112
RM1001-RM1500	40	42	82
RM1501-RM2000	30	23	53
>RM2000	59	24	83
Pekerjaan Utama			
Kerajaan	45	13	58
Swasta	49	44	93
Petani	10	14	24
Peniaga EKS	10	7	17
Pemborong	1	0	1
Agen Jualan	0	9	9
Pekedai (Restoran/Runcit)	27	9	46
Penjaja	6	12	18
Suri Rumah	45	12	95
Pesara	4	4	8
Penganggur	3	4	5
Pelajar	4	2	6

PGI adalah pajak gadai Islam manakala PGK adalah pajak gadai konvensional

Manakala bagi peratusan yang menggunakan perkhidmatan pajak gadai Islam, peratusan permintaan tertinggi adalah pada tahap tamat sekolah menengah iaitu sebanyak 58.33 peratus. Tren yang sama dilaporkan bagi pajak gadai konvensional, peratusan taburan pelanggan dengan tahap pendidikan sehingga tamat sekolah menengah adalah 40.34 peratus.

Bagi bilangan tanggungan responden, 67.63 peratus responden mempunyai bilangan tanggungan sekitar satu hingga lima orang. Peratusan tanggungan pengguna pajak gadai Islam tertinggi adalah bagi kategori bilangan tanggungan sekitar satu hingga lima orang iaitu sebanyak 67.16 peratus. Tren yang sama juga dilaporkan bagi pajak gadai konvensional, iaitu 68.18 peratus responden mempunyai tanggungan sekitar satu hingga lima orang.

Bagi pendapatan bulanan responden, kategori berpendapatan sekitar RM501 hingga RM1000 sebulan merupakan bilangan responden tertinggi yang mewakili 32.37 peratus. Manakala dari aspek pelanggan pajak gadai Islam, 29.90 peratus responden mempunyai pendapatan bulanan sekitar RM501 hingga RM1000. Terdapat 8.95 peratus responden mempunyai tahap pendapatan bulanan melebihi RM2000.

Manakala dari aspek pendapatan isi rumah, 29.47 peratus responden berpendapatan sekitar RM501 hingga RM1000 sebulan. Pelanggan pajak gadai Islam dengan kategori pendapatan bulanan isi rumah sekitar RM501 hingga RM1000 mewakili 25.98 peratus iaitu lebih rendah berbanding perkhidmatan yang diminta oleh isi rumah berpendapatan melebihi RM2000 sebulan iaitu sebanyak 28.92 peratus. Namun bagi perkhidmatan pajak gadai konvensional, pendapatan isi rumah sekitar RM501 hingga RM1000 dan pendapatan melebihi RM2000 sebulan, masing-masing mewakili 33.52 peratus dan 13.64 peratus.

Seterusnya bagi sektor pekerjaan utama responden, Jadual 1 melaporkan sebanyak 25 peratus responden merupakan suri rumah, 15.26 peratus kakitangan kerajaan, 24.47 peratus

pekerja sektor swasta, 6.32 peratus merupakan petani, 23.95 peratus responden terlibat dalam aktiviti perniagaan dan selebihnya 5 peratus merupakan unit tidak produktif iaitu pesara, penganggur dan pelajar. Namun bagi pelanggan yang menggunakan perkhidmatan pajak gadai Islam, taburan peratusan pelanggan tertinggi adalah pekerja sektor swasta yang mewakili 24.02 peratus, diikuti kakitangan kerajaan dan suri rumah yang mewakili 22.06 peratus masing-masing serta responden yang terlibat dengan aktiviti perniagaan iaitu sebanyak 21.57 peratus.

Analisis Regresi

Jadual 2 melaporkan dapatan hasil regresi model penganggaran linear dan model penganggaran logistik. Model 1 menguji kecenderungan permintaan perkhidmatan pajak gadai pengguna secara keseluruhan manakala Model 2 menguji kecenderungan permintaan pengguna terhadap perkhidmatan pajak gadai Islam berbanding pajak gadai konvensional.

Berdasarkan Jadual 2, pengujian hipotesis serentak bagi Model 1 adalah signifikan pada aras ke ertian 1 peratus. Ini menunjukkan sekurang-kurangnya satu pemboleh ubah bebas tidak bernilai sifar atau dengan kata lain mempengaruhi permintaan perkhidmatan pajak gadai Islam dan konvensional. Manakala pengujian hipotesis bagi ujian t melaporkan hanya jantina, tahap pendidikan, pendapatan, jarak dan urus niaga berasaskan syariah signifikan yang berjaya menolak hipotesis nul yang dibentuk sekurang-kurangnya pada aras keyakinan 90 peratus. Mengambilkira kebagusan padanan model, pemboleh ubah eksogenus hanya dapat menerangkan 37.10 peratus variasi dalam permintaan perkhidmatan pajak gadai.

Analisis lebih terperinci melaporkan bagi pemboleh ubah jantina, purata permintaan

Jadual 2
Keputusan Penganggaran Model Regresi

Pemboleh ubah	Model 1	Model 2
Jantina	0.163**	0.624
	(2.199)	(1.095)
Tahap pendidikan	0.026*	-1.140
	(1.776)	(1.374)
Sektor Pekerjaan	0.088	-0.295
	(0.645)	(0.276)
Tanggungan	0.030	0.069
	(0.681)	(0.574)
Pendapatan	0.388***	0.001*
	(3.704)	(2.992)
Jarak	0.129**	0.090***
	(2.496)	(6.555)
Syariah	0.164*	4.878***
	(3.546)	(5.404)
Cepat	-0.080	-0.887
	(0.153)	(0.074)
Kerahsiaan	0.062	-0.333
	(0.092)	(0.358)
Cagaran	-0.024	-0.473
	(0.583)	(0.875)
Konstan	5.585***	1.429
	(7.867)	(1.233)
F	15.141***	-
Chi-Square	-	28.603***
R^2	0.371	-
R^2_p	-	0.514
Durbin Watson	1.970	-

Model 1 merujuk kepada model regresi linear
Model 2 merujuk kepada model regresi logistik
Nilai dalam kurungan merujuk kepada nilai t-statsistik bagi Model 1 dan koefisien Wald bagi Model 2
Simbol *, ** dan *** merujuk kepada signifikan pada aras ke ertian 10%, 5% dan 1%

perkhidmatan pajak gadai oleh kaum wanita lebih tinggi berbanding permintaan kaum lelaki. Manakala bagi pemboleh ubah tahap pendidikan, keputusan penganggaran yang signifikan pada aras ke ertian 10 peratus melaporkan wujud hubungan songsang antara tahap pendidikan dan permintaan perkhidmatan pajak gadai. Dapatan ini membuktikan responden berpendidikan pada tahap sekolah menengah ke bawah mempunyai

purata permintaan perkhidmatan pajak gadai yang lebih rendah berbanding responden berpendidikan pada tahap sekolah menengah ke atas.

Bagi pemboleh ubah pendapatan, wujud hubungan positif yang signifikan pada aras ke ertian 1 peratus yang membuktikan peningkatan dalam pendapatan akan meningkatkan permintaan perkhidmatan pajak gadai. Dapatan ini menunjukkan responden berpendapatan tinggi mempunyai barang gadaian yang lebih mahal, justeru permintaan terhadap barang yang digadaikan juga tinggi. Seterusnya bagi pemboleh ubah jarak antara kedai dan kediaman responden, dapatan kajian melaporkan semakin jauh jarak (yang diukur dalam unit kilometer), semakin tinggi permintaan perkhidmatan pajak gadai dalam satu tempoh urus niaga. Manakala bagi pemboleh ubah urus niaga berasaskan syariah, hubungan positif yang signifikan pada aras ke ertian 10 peratus menunjukkan permintaan responden yang mementingkan urus niaga berasaskan syariah lebih tinggi berbanding permintaan responden lain.

Manakala bagi Model 2 iaitu model regresi logistik menggunakan kaedah '*maximum likelihood*' melaporkan ujian koefisien model adalah signifikan pada aras ke ertian 1 peratus. Manakala pengujian hipotesis bagi setiap pemboleh ubah menggunakan ujian wald melaporkan hanya tiga pemboleh ubah berjaya menolak hipotesis nul yang dibentuk. Mengambil kira kebagusan padanan model, pemboleh ubah eksogenus hanya dapat menerangkan 51.40 peratus variasi dalam permintaan perkhidmatan pajak gadai.

Analisis terperinci bagi ujian wald, pemboleh ubah pendapatan signifikan pada aras ke ertian 10 peratus yang menunjukkan peningkatan dalam pendapatan akan meningkatkan permintaan perkhidmatan pajak gadai Islam. Dapatan ini secara tidak langsung membuktikan, responden berpendapatan tinggi mencagarkan barangan yang mempunyai nilai semasa yang lebih tinggi. Bagi pemboleh ubah jarak antara kediaman dan kedai, wujud hubungan positif yang signifikan pada aras ke ertian 1 peratus yang membuktikan permintaan responden yang mempunyai kediaman yang lebih jauh dari kedai adalah lebih tinggi berbanding responden yang mempunyai kediaman yang hampir dengan kedai. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan oleh kos yang terlibat untuk ke kedai. Jarak yang jauh melibatkan kos yang lebih tinggi, justeru pelanggan akan menggadai lebih banyak barang atau menggadai barangan yang mempunyai nilai yang tinggi dalam satu tempoh urus niaga. Seterusnya bagi pemboleh ubah urus niaga berasaskan syariah, purata permintaan responden yang mementingkan urus niaga berasaskan syariah adalah lebih tinggi berbanding responden lain sebanyak log odds 131.37.

Kesimpulan dan Implikasi Dasar

Berdasarkan dapatan kajian seperti yang dilaporkan dalam bahagian 4 dapat disimpulkan bahawa urus niaga berasaskan syariah, jarak antara kedai dan kediaman dan pendapatan responden mempengaruhi permintaan perkhidmatan pajak gadai bagi kedua-dua model penganggaran yang dibentuk. Secara tidak langsung, pertama, dapatan ini menunjukkan masyarakat kini mula menitikberatkan urus niaga yang halal. Dapatan ini juga mungkin disebabkan oleh 78.95 peratus responden merupakan bangsa Melayu yang umumnya beragama Islam.

Kedua, jarak antara kedai dan kediaman melibatkan kos umpamanya kos tambang kenderaan atau petrol. Oleh itu pelanggan akan meminta pembiayaan yang lebih tinggi sama ada dengan mencagarkan barangan yang mahal atau mencagarkan banyak barang dalam satu tempoh urus niaga.

Ketiga, umumnya pelanggan berpendapatan tinggi mampu membeli barang cagaran (kebiasaannya emas) yang mahal atau memiliki barang kemas dalam kuantiti yang banyak. Oleh itu, semasa mendapatkan perkhidmatan pajak gadai, permintaan pelanggan berpendapatan tinggi adalah lebih tinggi berbanding permintaan pelanggan berpendapatan rendah.

Keempat, dapatan kajian juga menunjukkan pengguna perkhidmatan pajak gadai bukan sahaja terdiri daripada suri rumah, pesara, penganggur dan pelajar, malahan kakitangan kerajaan dan individu yang menjalankan aktiviti perniagaan juga mendapatkan perkhidmatan pajak gadai. Ini bermaksud pelanggan pajak gadai bukan hanya merupakan pengguna yang terkeluar daripada sistem kewangan formal, malahan pengguna yang mempunyai capaian kepada sistem kewangan formal turut mendapatkan perkhidmatan pajak gadai.

Perkhidmatan pajak gadai boleh dilaksanakan oleh koperasi-koperasi seluruh Malaysia untuk mempelbagaikan aktiviti koperasi. Ini adalah sejajar dengan penggubalan Rancangan Malaysia Kesembilan yang mensasarkan menggembleng sumber dan menambah baik kebolehan koperasi sebagai sumber pembiayaan alternatif.

Berdasarkan perkembangan institusi pajak gadai serta kepentingannya kepada pengguna, maka menjadi suatu keperluan untuk mengukuhkan serta melakukan penambahbaikan kepada institusi sedia ada. Antara implikasi dasar yang boleh difokuskan adalah:

1. Penguatkuasaan undang-undang kepada pajak gadai konvensional

Terdapat beberapa kedai pajak gadai yang mengenakan caj kadar faedah melebihi 2.5 peratus sebulan kepada pengguna, maka menjadi suatu keperluan kepada pihak KPKT atau PBT untuk memantau seterusnya mengambil tindakan tegas kepada kedai-kedai terbabit. Sepanjang tempoh kerja lapangan, terdapat juga beberapa kedai yang beroperasi tanpa lesen, keadaan ini dapat kami kenal pasti berdasarkan senarai syarikat yang dibekalkan oleh KPKT. Terdapat juga kedai-kedai emas yang membeli surat pajak daripada pengguna sedangkan mereka tidak mendapat lesen perniagaan pajak gadai daripada pihak KPKT.

2. Keperluan kepada perundangan pajak gadai Islam

Berdasarkan kepada situasi semasa, institusi yang menjalankan aktiviti pajak gadai Islam berurus niaga berdasarkan prosedur yang dibina oleh setiap institusi. Ini bermaksud institusi perbankan, koperasi dan pajak gadai milik yayasan negeri menggunakan prosedur garis panduan perkhidmatan pajak gadai yang berbeza. Tambahan pula memandangkan Akta Pajak Gadai 1972 lebih kepada aplikasi perkhidmatan pajak gadai konvensional, maka adalah menjadi satu keperluan kepada pihak berwajib untuk menggubal akta khusus untuk pajak gadai Islam atau dipertimbangkan di bawah Akta Pajak Gadai 1972 dengan pindaan tahun 2003.

3. Caj upah simpan

Memandangkan sebahagian besar pengguna perkhidmatan pajak gadai merupakan individu yang tidak mempunyai capaian kepada sistem kewangan formal, maka menjadi suatu keperluan kepada institusi pajak gadai untuk tidak mengenakan caj upah simpan sebagaimana yang diamalkan oleh Muassasah Gadaian Islam Terengganu terutamanya kepada pajak gadai milik kerajaan negeri dan institusi perbankan. Jika dibandingkan dengan institusi pajak gadai konvensional, upah simpan yang dikenakan oleh institusi pajak gadai Islam adalah jauh lebih rendah. Namun perlu juga difikirkan tentang pengguna yang berpendapatan rendah atau hanya suami yang bekerja untuk menampung keluarga. Maka menjadi suatu keperluan institusi terlibat tidak mengenakan upah simpan kepada pengguna terlibat. Umpamanya, satu cawangan institusi perbankan berbeza bagi setiap negeri tidak mengenakan upah simpan kepada pengguna. Pemilihan cawangan yang mengecualikan pengenaan caj upah simpan bergantung kepada keadaan sosioekonomi penduduk setempat. Institusi pelaksana terutamanya institusi perbankan tidak perlu khuatir dengan pinjaman tidak berbayar memandangkan semua pelanggan pajak gadai akan mencagarkan aset tertentu semasa urus niaga dan pemberian pembiayaan kebiasaannya tidak melebihi 70 peratus nilai barang yang dicagarkan pengguna.

4. Kepelbagaian cagaran

Menjadi suatu keperluan untuk mempelbagaikan barangan yang boleh diterima oleh institusi pajak gadai sebagai cagaran. Umpamanya di Indonesia, kenderaan diterima sebagai cagaran, malahan binatang ternakan juga diterima. Pelaksanaan di Malaysia hanya menerima barang kemas terutamanya emas, perak dan jam tangan. Malahan sesetengah institusi perbankan hanya mengambil kira emas tanpa menilai permata sesuatu barang kemas untuk memberikan pembiayaan kepada pengguna. Mungkin boleh difikirkan kesesuaian menerima rumah dan tanah pengguna sebagai barang yang boleh dicagarkan.

Rujukan

http://www.ar-rahnu.org/jadual-graf.htm

http://www.ar-rahnu.org/rahnudef.htm

http://www.ar-rahnu.org rahnuimplement.htm

http://www.ar-rahnu.org/sejarah-arrahnu.htm

http://www.ar-rahnu.org/0002.htm

http://www.jpk.gov.my/myweb%20JPK/Aturan%20Ar-Rahnu.htm

http://www.angkasa.coop/pelancar/Arkib/Jan05januari5.htm

http://ams2.neofission.com

websitesbnmdemo.gov.my index.php?ch=32&pg=95&pg=95&ac=5

http://maidam.terengganu.gov.my/unitpembangunan.php

http://maidam.terengganu.gov.my/mgit.php

Krejcie, R. & Morgan, D. 1970. "Determining Sample Size for Research Activities" *Educational and Psychological Measurement* 30: 607-610.

Nafisah Mohamed, Nor Mariana Mohd Daud dan Nur Azura Sanusi. 2005. Analisis Skim Ar-rahn: Satu Kajian Perbandingan dengan Pajak Gadai Konvensional. Dalam prosiding Seminar Ekonomi dan Kewangan Islam, ESSET Bangi, 29-30 Ogos.

Nur Azura Sanusi, Selamah Maamor dan Supizan Md. Supian. 2004. Pajak Gadai Konvensional dan Ar-Rahn: Terjaminkah Hak Pengguna? Dalam prosiding Seminar Kebangsaan Fakulti Ekonomi 2004. Port Dickson, 11-13 Jun.

Nur Azura Sanusi dan Mohamad Shukri Johari. 2006. Prestasi Perkhidmatan Ar-Rahnu: Kajian Kes Muassasah Gadaian Islam Terengganu. Kertas kerja yang akan dibentangkan di persidangan "Islamic Banking and Finance 2006". Hotel Palace of Golden Horses, Kuala Lumpur, 29-30 Ogos.